

## pendapat

Oleh Dr Abdul Razak Ahmad

Ahli Kehormat Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



## Mengembalikan matlamat asal universiti

➔ Jadikan institut pengajian tinggi sebagai institusi daya akal terbaik milik bangsa

**P**enubuhan universiti bertujuan mendidik anak bangsa. Universiti adalah satu tempat percambahan idea, pertumbuhan ilmu dan penyuburan nilai. Universiti bukanlah sebuah komoditi yang boleh diperdagang dan diletakkan harga material ke atasnya dan ia juga bukan suatu yang komersial namun kewujudannya adalah untuk membangun dan meningkatkan daya intelek masyarakat.

Amat membimbangkan mutakhir ini, wujud trend untuk merumit dan memesongkan fungsi universiti daripada tujuan asalnya. Sebagai contoh, pertama, wujud pengurangan dana yang disalurkan ke sektor pendidikan tinggi yang juga dipanggil sebagai *The Higher Education Austerity*. Kesannya, universiti akan

menjadi terlalu fokus kepada usaha penjimatan perbelanjaan. Jika pun wujud penambahbaikan kualiti pendidikan dan kesarjanaan, ia dilakukan dengan niat serta matlamat untuk menjimatkan wang semata-mata dan bukan untuk ilmu.

Kedua, langkah itu memberi kesan kepada percambahan budaya korporat dan managerialism, bahawa universiti kini adalah sebuah wadah untuk menjana wang dan untung, bukan lagi wadah pencerahan bangsa sehingga menyelinap masuk ke dalam sistem dan budaya pengurusan universiti kita.

Sewaktu berucap dalam program Wacana Intelektual, anjuran Fakulti Ekologi Manusia, Univeriti Putra Malaysia (UPM) Februari lalu, penulis berkongsi beberapa saranan penting untuk mengembalikan misi asal universiti.

**Cetusan idea baharu**

Pertama, menjadikan universiti kita institusi terbaik bangsa. Perkara pertama yang harus kita lakukan adalah meraikan idea, kreativiti dan pemikiran unggul. Universiti terbaik adalah universiti yang membenarkan cetusan idea baharu yang diiktiraf atau dilihat kerana kualiti dan



Perkara pertama yang harus kita lakukan adalah meraikan idea, kreativiti dan pemikiran unggul. Universiti terbaik adalah universiti yang membenarkan cetusan idea baharu yang diiktiraf atau dilihat kerana kualiti dan kekuatan intelegnya”

kekuatan intelegnya.

Kedua, universiti terbaik adalah universiti yang mempunyai komitmen untuk menjadi inklusif. Menjadi inklusif juga bererti bersedia membantu dan menerima semua pihak. Universiti mempunyai tanggungjawab kepada semua kaum dan lapisan masyarakat. Yang miskin, yang berbeza aliran kepercayaan dan politik serta masyarakat antarabangsa.

Masyarakat sekeliling ini harus menerima manfaat daripada limpahan khazanah ilmu universiti. Universiti adalah institusi yang mempunyai daya yang paling kuat untuk mengubah dan membentuk masyarakat, manakah daya itu adalah daya akal.

Ketiga, amatlah penting bagi universiti untuk mengambil pandangan jauh dalam apa jua perkara. Hal ini kerana yang dinamakan kesarjanaan itu, bukan terhasil hanya kerana kerja keras sehari dua, sebaliknya ia adalah amalan yang diangkat menjadi budaya dan tradisi yang panjang.

Oleh kerana itu, tidak semua bidang ilmu akan menampakkan hasil dan kepentingannya dalam masa terdekat, akan tetapi, hanya selepas beberapa generasi, barulah kita

dapat melihat hasilnya. Ini adalah lumrah dalam tradisi kesarjanaan. Pemikiran dan pendirian universiti harus menjangkau zaman dan kepentingan semasa.

**Disiplin ilmu**

Sehubungan itu, universiti harus mempertahankan disiplin ilmu sebegini. Kita mesti melabur pada bakat anak bangsa yang pintar dengan mengambil pandangan jauh. Oleh yang demikian, kita sangat bimbang dengan keghairahan pelbagai pihak, untuk menjadikan universiti sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

Kita akui universiti wajar berperanan untuk mendukung pembangunan inovasi, penyelidikan dan penemuan baharu namun, universiti bukan faktor ekonomi seperti industri perkhidmatan lain. Universiti bukan objek pengeluaran dan instrumen perdagangan.

Keempat, universiti harus menjadi institusi yang bebas dan berpendirian. Dalam usaha melahirkan graduan yang cemerlang, universiti harus memikirkan dengan serius untuk memperkenalkan dua konsep pendidikan yang

utama iaitu *liberal education* dan *liberated education*.

*Liberal education* merujuk kepada proses mengintegrasikan kemanusiaan dan sastera dengan disiplin sains dan teknologi sebagai model terbaik untuk pendidikan tinggi yang *kamil*. Janganlah kita terlalu risau dengan hasil akhir jangka pendek dan ukuran yang berkiblatkan nama dan angka.

Sering kita bertanya, obsesi dengan angka ini untuk memuaskan hati siapa? Kalau hanya untuk kepuasan birokrat, ahli politik dan pelaksana dasar, maka itu bukanlah tujuan hakiki pendidikan tinggi.

Merujuk kepada *liberated education* pula, penulis tidak ada maksud lain, selain mahukan universiti dibiarkan bebas. Tidak dikongkong. Marilah kita bersama-sama menjadikan universiti dan institusi pengajian tinggi sebagai institusi daya akal terbaik milik bangsa.

\* Penulis juga Pengarah Pengasas Bait Al-Amanah.